

Rujukan Kami : UPM/PIU/100-4916  
Tarikh : 18 Jamadil Akhir 1435H  
18hb April 2014

SENARAI EDARAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin / Prof./ Dr./ Tuan/Puan,

**DERMA UNTUK MAJLIS BERBUKA PUASA DAN AKTIVITI SEPANJANG RAMADHAN DI  
MASJID UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 1435H / 2014M**

Didoakan semoga Y.Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin / Prof./ Dr./ Tuan/Puan, dianugerahkan kesihatan yang baik dan di bawah Taufiq serta Hidayah Allah SWT.

Sukacita saya memaklumkan bahawa, menerusi satu muafakat dalam Jawatankuasa Aktiviti Ramadhan Masjid UPM 1435H / 2014M, Pusat Islam Universiti dengan kerjasama Jawatankuasa Kariah Serdang dan jemaah Masjid UPM akan melaksanakan majlis berbuka puasa dan aktiviti sepanjang Ramadhan tahun ini (dijangka mulai 29 Jun 2014).

Sehubungan dengan itu, saya mewakili Jawatankuasa Aktiviti Ramadhan Masjid UPM 1435H / 2014M dengan penuh takzimnya memohon sumbangan dana daripada Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/Datin/Prof. / Dr. / Tuan/ Puan untuk menjayakan program aktiviti sepanjang bulan Ramadhan bagi tahun ini. Untuk pengetahuan Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/Datin/Prof./Tuan/ Puan, dana tersebut diperlukan untuk membiayai kos penyediaan majlis berbuka puasa setiap hari, penyediaan bubur lambuk dan aktiviti harian ihya' (menghidupkan) bulan Ramadhan. Sebagai makluman, sebahagian besar para jemaah yang menghadiri majlis berbuka puasa setiap tahun adalah terdiri daripada mahasiswa/mahasiswi UPM, staf UPM dan penduduk setempat yang tinggal berhampiran dengan Masjid UPM.

Sumbangan ikhlas boleh disalurkan melalui **Commerce International Merchant Bankers (CIMB Bank), (Nombor Akaun Lama 12150008695053 / Nombor Akaun Baru 80-0215852-4 : Akaun Aktiviti Ramadhan Masjid UPM)** atau mengembalikan borang yang dilampirkan ke Pejabat Am Pusat Islam Universiti, UPM.

Di atas perhatian dan jasabaik Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' / Datin / Prof. / Dr. / Tuan/ Puan kami ucapkan jutaan terima kasih. Semoga segala usaha, sedekah dan sumbangan yang kita berikan akan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT. Amin.

**Wabillahi At-Taufiq Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**“BERILMU BERBAKTI”  
“CEMERLANG MELONJAKKAN ISLAM”**

Yang benar,

**HJ. MOHAMED GHAZALI BIN HJ. ALI, S.IS., K.M.N., A.M.N.**  
Pengarah (Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Aktiviti Ramadhan Masjid UPM),  
Pusat Islam Universiti,  
Universiti Putra Malaysia.

## BORANG JAWAPAN

No. Siri Surat	
No. Resit	
Tunai	
No. Cek	

**Tn. Hj. Mohd Taib bin Abd Rahman,  
Tn. Hj. Osman bin Salleh,  
Pn. Juriah binti Jamari  
Hjh. Faezah binti Imam Zakaria.**

Jawatankuasa Aktiviti Ramadhan 1435 H / 2014 M  
d.a Pusat Islam Universiti,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

### **SUMBANGAN DERMA UNTUK PROGRAM IHYA' RAMADHAN MASJID UPM, 1435H.**

Bersama ini saya sertakan :-

Wang Tunai sebanyak : \_\_\_\_\_

Cek Atas Nama : Akaun Aktiviti Ramadhan Masjid UPM  
No. Cek :- \_\_\_\_\_)

Semoga usaha kita akan mendapat keberkatan dan ganjaran disisi Allah S.W.T. Amin.

Sekian , terima kasih.

Yang benar,

\_\_\_\_\_

<b>Nama</b>	
<b>Fakulti / Jabatan/ Alamat</b>	
<b>Tarikh</b>	
<b>No. Cek / Tunai</b>	
<b>No. Telefon</b>	

**Untuk keterangan lanjut sila hubungi :-**

Tn. Hj. Mohd Taib bin Abd Rahman Jemaah Tetap Masjid Jamek Kariah Serdang (Masjid UPM)	012-2567790 03 89489044
Tn. Hj. Osman bin Salleh Setiausaha/Bendahari Jawatankuasa Masjid Jamek Kariah Serdang (Masjid UPM)	019-3875700 03 89489044
Pn. Juriah binti Jamari Pusat Islam Universiti, UPM	03-89468588 013-3243433
Hjh. Faezah binti Imam Zakaria Pusat Islam Universiti, UPM	03-89468588 0126744560